

R B020 AAB
MAHATHIR - SABAH

KUALA PERLIS, 19 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMNO DITUBUHKAN DI SABAH DENGAN TUJUAN UNTUK MENGAMBIL BALIK NEGERI ITU DARIPADA TANGAN PEMBANGKANG.

KATANYA JIKA SABAH DAPAT DIKEMBALIKAN KEPADA PARTI PEMERINTAH, HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN PUSAT DAN NEGERI ITU AKAN TERJALIN ERAT.

BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KOMPLEKS LPN KUALA PERLIS DEKAT SINI PETANG INI, PERDANA MENTERI DAN PRESIDEN UMNO ITU BERKATA BARISAN NASIONAL (BN) JUGA AKAN MEMBANTU SESIAPA SAHAJA YANG MENENTANG PARTI BERSATU SABAH (PBS) PADA PILIHAN RAYA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYAMBUK BAIK HASRAT CENDIKIAWAN MELAYU YANG INGIN MELIHAT PERPADUAN ANTARA UMNO DAN PAS TETAPI, MENURUTNYA, SEHINGGA INI BELIAU BELUM MENERIMA TELEGRAM DARIPADA PIHAK BERKENAAN.

KETIKA MERASMIKAN KOMPLEKS BERHARGA \$12.2 JUTA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TIDAK MAHU BERJANJI UNTUK MENGHAPUSKAN CUKAI SEPERTI MANIFESTO YANG DIKEMUKAKAN OLEH TENGGU RAZALEIGH HAMZAH. -- LAGI
2105MST 19 10 90

R B021 AAB
MAHATHIR - SABAH 2 KUALA PERLIS

+CUKAI HANYA DIKENAKAN KEPADA GOLONGAN KAYA UNTUK MEMBERI MANFAAT KEPADA GOLONGAN MISKIN,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN KERAJAAN SENTIASA MENKKAJI UNTUK MENGURANGKAN KADAR CUKAI KE ATAS PERKARA-PERKARA TERTENTU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA SENTIASA Mencari IDE-IDE BARU UNTUK FAEDAH RAKYAT TERMASUK PENGSWASTAAN DAN KEMPEN-KEMPEN MELALUI KEMENTERIAN TERTENTU.

BELIAU MENGAMBIL CONTOH IDE YANG DIBUAT OLEH MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID YANG TELAH MEMBERI MANFAAT KEPADA RAKYAT SEPERTI TUKUN TIRUAN, KEMPEN KELAPA MUDA, KEMPEN MAKAN ULAM DAN TERNAKAN BIRI-BIRI. -- LAGI
2106MST 19 10 90

R B022 AAB
MAHATHIR - SABAH 3 KUALA PERLIS

DATUK SERI SANUSI DALAM UCAPANNYA YAKIN MASYARAKAT NELAYAN DAN PETANI AKAN MEMBERI SOKONGAN PADU KEPADA BARISAN NASIONAL.

MEREKA MENYAMBUK BAIK SETIAP USAHA KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN TARAF HIDUP MEREKA DAN SUDAH SEMESTINYA MEREKA AKAN MENZAHIRKAN KESYUKURAN ITU MELALUI SOKONGAN TIDAK BERBELAH BAGI KEPADA KERAJAAN.

MENTERI BESAR, DR ABDUL HAMID PAWANTEH ADALAH ANTARA KIRA-KIRA 4,000 ORANG PEMIMPIN PELADANG DAN PENDUDUK TEMPATAN YANG HADIR PADA MAJLIS ITU. -- BERNAMA/AD
2107MST 19 10 90